

20/12/2001

Kod Etika Hakim dikemukakan awal tahun depan

JELEBU, Rabu - Kod Etika Hakim (KEH) yang dikemas kini sebagai alat berkesan menangani masalah disiplin dalam badan kehakiman dijangka siap tidak lama lagi dan akan dikemukakan kepada kerajaan awal tahun depan untuk dipertimbangkan sebelum dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah sudah mengemukakan cadangan pindaan berkenaan kepada pihaknya kira-kira sebulan setengah lalu.

"Cadangan itu belum diperhalusi oleh peringkat tertentu kerana usaha mendapatkan lagi pandangan berkaitan belum selesai.

"Apabila siap ia akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sehubungan itu, Kabinet sudah memutuskan proses ini diambil kira sebelum diumumkan awal tahun depan," katanya.

Beliau diminta mengulas perkembangan cadangan kerajaan untuk mengemas kini KEH setakat ini, ketika ditemui di Rumah Terbuka Aidilfitri di Dewan Majlis Daerah Jelebu, di sini petang semalam.

Baru-baru ini, Rais mengumumkan kerajaan sudah meminta Ketua Hakim Negara membuat kajian dan cadangan untuk mengemaskini kod berkenaan selaras dengan hasrat kerajaan melihat badan kehakiman negara ini lebih bertanggungjawab, tidak melanggar kesopanan atau peraturan lazim selain menjalankan tugas dengan jelas.

Cadangan mengemaskini KEH itu adalah berikutan antara masalah besar yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak sejak kebelakangan ini berhubung kelewatan hakim menyediakan penghakiman bertulis.

Selain itu, ada beberapa kes di mana penghakiman tidak lengkap mengikut tempoh yang ditentukan dan dalam hal ini kod berkenaan perlu dikemas kini untuk memuatkan kehendak berkenaan.

Rais berkata, tempoh berapa lama diperlukan seseorang hakim untuk menyiapkan penghakiman tidak ditentukan dalam kod berkenaan dan perkara itu diteliti oleh Ketua Hakim Negara selepas berbincang.

"Daripada segi pentadbiran, kita mahu tahu apa yang hakim boleh atau tidak boleh lakukan. Walaupun kita tidak mahu dilihat seolah-olah campur tangan dalam urusan mereka, prestasi hakim adalah menjadi perhatian awam.

"Oleh itu, mereka tidak boleh berselindung dalam kongkongan kehakiman kerana orang ramai ada hak mengetahui apa yang dilakukan mereka," katanya.

Beliau berkata, penduduk kini semakin berminat, jika tidak pun kritikal mengenai semua aspek perkhidmatan awam dan tugas mereka.

Berikutan itu, hakim perlu memantapkan idea menerusi tanggungjawab bersama dengan menjaga kewibawaan mereka selain menjauhkan diri daripada politik.

Rais juga pernah menyatakan, kerajaan mungkin memasukkan peruntukan dan cadangan KEH yang dikemaskini itu dalam Akta Kehakiman untuk dijadikan sebahagian daripada undang-undang.

(END)